

## **RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN**

### **NO. RAYUAN TRK (P) 15-2014**

#### **FAKTA KES**

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 3 Mei 2010. Perayu menjalankan perniagaan pengiklanan iaitu dengan menyewakan papan iklan milik sendiri dan milik pihak ketiga kepada pelanggan atau penyewa seperti syarikat Homelife (J) Sdn. Bhd., WPP Marketing Communications (M) Sdn. Bhd., iProperty.Com. Sdn. Bhd. dan Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd. Untuk urusan yang dijalankan, Perayu mengambil komisyen dari hasil sewaan tersebut.
2. Bahagian Pematuhan, Cawangan Auditan Syarikat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah membuat auditan ke atas Perayu bagi tempoh Februari 2012 hingga Mac 2014. Melalui surat bertarikh 4 Jun 2014, Perayu dimaklumkan oleh JKDM bahawa Perayu telah melanggar seksyen 7, 12 dan 14 Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Dalam Lampiran F kepada surat tersebut dinyatakan bahawa JKDM, WPKL menuntut Perayu membayar RM130,724.67 iaitu RM89,019.49 bagi Kekurangan Cukai Perkhidmatan Dikesan dan RM41,705.18 bagi Anggaran Penalti (sehingga 28 Jun 2014).
3. Perayu tidak berpuas hati dengan tuntutan tersebut. Pada 26 November 2014 Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam. Perayu memohon remedi supaya amaun cukai perkhidmatan dan penalti dalam Notis Tuntutan dapat dikurangkan sebanyak RM50,000.00.
4. Notis Rayuan difailkan selepas tamat tempoh rayuan iaitu dengan kelewatan selama 146 hari. Pada 15 November 2014 Perayu telah memfailkan Permohonan Pelanjutan Masa untuk memfailkan rayuan dengan memberikan

alasan kelewatan berlaku disebabkan Perayu baru mendapat tahu kewujudan dan peranan Tribunal Rayuan Kastam.

## **ISU**

1. Sama ada permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan boleh dibenarkan.
2. Sama ada Tribunal mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan ini.

(Semasa prosiding sebutan rayuan pada 16 Disember 2014, Perayu memohon supaya permohonan pelanjutan masa dibenarkan. Responden telah mengemukakan bantahan dengan berhujah bahawa alasan kelewatan adalah tidak munasabah dan tidak boleh diterima. Selain itu Responden memohon kepada Tribunal supaya membatalkan rayuan Perayu atas alasan rayuan terjumlah kepada rayuan pra-matang kerana keputusan yang dirayu bukan keputusan Ketua Pengarah Kastam (KPK) sebagaimana diperuntukkan di dalam seksyen 50(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Mengenai seksyen 50(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perayu menyerahkan kepada Tribunal untuk membuat keputusan)

## **KEPUTUSAN**

1. Permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan dibenarkan. Alasan Perayu adalah munasabah dan boleh diterima kerana Tribunal masih baru ditubuhkan dan terdapat *stakeholders* yang tidak tahu mengenai peranan Tribunal Rayuan Kastam.

2. Merujuk kepada isu kedua, Tribunal memutuskan bahawa rayuan Perayu adalah rayuan pra-matang kerana rayuan dibuat bukan terhadap keputusan KPK sepertimana yang ditetapkan di dalam seksyen 50(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 sebaliknya terhadap keputusan Bahagian Pematuhan, Cawangan Auditan Syarikat bagi pihak Pengarah Kastam, JKDM, WPKL. Tribunal tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan ini.
  
3. Rayuan dibatalkan.

16 Disember 2014